

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK ROZMAN BIN ISLI [ LABUAN ]**

**TARIKH : 16 MAC 2015**

**SOALAN :**

**YB Datuk Rozman bin Isli [ Labuan ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk melaksanakan "dispensing separation". Apakah kebaikan dan kelebihannya dan adakah negara ini sudah bersedia pada masa ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Terima kasih atas soalan-soalan yang telah dikemukakan, di mana akhir-akhir ini sedang sangat diperbincangkan dan diperdebatkan. Ingin saya menyatakan di sini dan juga dalam beberapa kenyataan akhbar yang dibuat, bahawa Rang Undang-Undang Farmasi yang dicadangkan kini masih berada di peringkat penggubalan dan pelbagai sesi perbincangan sedang dan akan diadakan antara Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan pelbagai pihak berkepentingan. Oleh itu, tiada tempoh masa ditetapkan sehingga semua proses selesai dijalankan.

Untuk maklumat Tuan Di Pertua dan Ahli Dewan, beberapa perjumpaan telah dijadualkan bersama *stakeholders* yang berkepentingan, termasuk Pengamal Perubatan dalam Kementerian pada 24 Februari, Pengamal Perubatan Swasta pada 4 Mac dan kumpulan pergerakan pengguna yang berkaitan iaitu Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) dan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) pada 9 Mac. Ia akan disusuli dengan sesi perjumpaan dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain pada 16 Mac, Persatuan Farmasi pada 23 Mac dan dengan pihak Akademik pada 30 Mac.

Ingin saya maklumkan juga di sini bahawa kaedah pendispensen hanya adalah sebahagian daripada cadangan dalam Rang Undang-Undang Farmasi. Apa juga cadangan peruntukan yang akan dimuatkan dalam Rang Undang-Undang tersebut khususnya adalah untuk meningkatkan penjagaan pesakit agar penduduk menikmati kesihatan lebih terpelihara dengan mendapat akses dan penggunaan ubat-ubatan berkualiti, membendung kos sistem penjagaan kesihatan melalui pengurusan ubat-ubatan yang teratur dan sistem penjagaan kesihatan yang mapan melalui perkongsian dan kerjasama semua pihak yang terlibat dalam penjagaan kesihatan.

Pandangan pengguna umumnya implikasi kos dan bebanan kepada pengguna akan diberi pertimbangan yang serius agar ia tidak menyukarkan pihak pengguna dan rakyat jelata. Ini termasuklah mengambil kira faktor geografi dan distribusi perkhidmatan, hak memilih kepada pengguna dan sistem pemantauan harga ubat. Semua ini akan dipertimbangkan setelah mendapat input daripada semua pihak yang berkepentingan. Kepentingan orang awam dan pengguna akan diberi

**keutamaan** dan oleh itu input dari pihak pengguna melalui perjumpaan dengan pergerakan pengguna adalah sangat penting.

Perlu ditegaskan sekali lagi, RUU ini akan bersifat holistik dan memberi tumpuan untuk mengukuhkan sistem pembekalan dan pemberian ubat antara lain meningkatkan penalti, memerangi pemalsuan, meningkatkan kecekapan dan penyeragaman dan pematuhan terhadap standard bagi memastikan akses kepada ubat yang berkesan, selamat dan kos-efektif.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN  
[ SEPANG ]**

**TARIKH : 16 MAC 2015 (ISNIN)**

**SOALAN : 36**

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [ Sepang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan butiran secara terperinci senarai kerosakan teknikal yang dihadapi oleh pesawat-pesawat AirAsia dan AirAsia X semasa penerbangan semenjak ia mula beroperasi sehingga kejadian terbaru yang melibatkan pesawat AirAsia X D7172/XAX712 dari Kuala Lumpur ke Jeddah yang berlegar-legar selama 5 jam di ruang udara Selat Melaka. Minta tarikh kejadian, butiran pesawat dan jenis kerosakan teknikal.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 8 Februari 2015 Juruterbang Pesawat D7172 mengesan salah satu *auto-thrust* (sistem kawalan kuasa enjin secara automatik) tidak berfungsi dengan baik. Sebagai langkah keselamatan, dan mematuhi sepenuhnya semua aspek keselamatan dan piawaian keselamatan antarabangsa, pesawat tersebut berpatah balik dan selamat mendarat di KLIA2 pada jam 5.40 petang. Semua penumpang dijaga rapi dan telah dipindahkan ke pesawat yang lain dan meneruskan penerbangan ke Jeddah pada jam 7 malam hari yang sama.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pesawat A330 tersebut terpaksa berlegar terlebih dahulu di udara sebelum berpatah balik untuk menghabiskan minyak bagi mengelak sebarang kemungkinan kecemasan semasa mendarat. Ianya adalah prosedur biasa bagi pesawat yang memiliki muatan dan minyak yang penuh.